


EDITORIAL: CORAK PENGURUSAN DAN PENERBITAN 2013

Pengurusan Manuskrip


Tahun 2013 memperlihatkan Malaysian Journal of Analytical Sciences (MJAS) terus menjadi pilihan penyelidik sebagai medium penerbitan ilmiah bukan sahaja di Malaysia bahkan di rantau sekitarnya. Sepanjang tempoh 2013, pihak pengurusan MJAS telah menerima sejumlah 121 manuskrip melalui dua saluran utama iaitu Simposium Kimia Analisis Kebangsaan (SKAM) dan penyerahan dalam talian (PAT) laman sesawang MJAS. Setiap manuskrip yang direkodkan akan didaftarkan dengan kod pendaftaran pengkalan data MJAS. Penyerahan manuskrip melalui SKAM 25 menyumbang kepada 66.94 %, manakala penyerahan dalam talian adalah 33.06 %. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1, pecahan mengikut lokaliti menunjukkan penyerahan manuskrip di dalam negeri, Malaysia adalah 60.49 % dan 52.50 % , masing – masing bagi SKAM dan PAT. Manakala sumbangan dari penyelidik luar negeri adalah 39.50 % dan 47.50 %, masing – masing bagi SKAM dan PAT.



Rajah 1: Penyerahan manuskrip mengikut lokaliti

Walaupun MJAS merupakan sebuah jurnal yang menawarkan penerbitan di dalam medium Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, hanya 7.40% sahaja makalah yang diterima ditulis dalam Bahasa Melayu sepanjang tahun 2013. Insentif perlu dicari agar penulisan dalam Bahasa Melayu dapat ditingkatkan dalam tahun-tahun mendatang ini.

Setiap manuskrip yang diterima oleh pihak pengurusan, ia akan dikategorikan mengikut subjek kajian. Subjek kajian merangkumi 12 pecahan utama iaitu polimer, bahan semulajadi, oleokimia, radiokimia, analisis nutrien dan pemakanan, analisis farmaseutikal, katalisis, sains bahan dan nano termaju, sintesis organik dan tak organik, spektroskopi, kaedah pemisahan dan analisis persekitaran. Pecahan peratusan manuskrip mengikut kumpulan kajian (bagi tahun 2013) di tunjukkan dalam Rajah 2.




Rajah 2: Pecahan manuskrip mengikut subjek kajian.

Sepanjang tahun 2013, pihak pengurusan telah melantik kira-kira 151 pewasit dalam pelbagai bidang dan dari pelbagai institusi termasuklah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan Institusi Penyelidikan Kerajaan. Pewasit dari IPTA menyumbang peratusan penilaian sehingga 61.58 %, manakala lain-lain institusi memberi perolehan sehingga 38.42 %. Peratus penolakan manuskrip (bagi tahun 2013) ialah 14.81 % (SKAM) dan 10.03 % (PAT). Asas penolakan manuskrip umumnya ialah kelemahan dalam penyampaian Bahasa Inggeris, tidak memenuhi skop MJAS, kekurangan/ketiadaan data primer dan penyerahan berulang (multiple journals submission).

Penerbitan Manuskrip


Sebelum tahun 2012, MJAS hanya diterbitkan sebanyak dua isu dalam satu Jilid (Volume). Bermula 2012, MJAS diterbitkan dalam tiga isu per Jilid. Tahun 2013 merekodkan peningkatan dari segi bilangan manuskrip yang berjaya diterbitkan iaitu MJAS Volume 17. Jumlah keseluruhan manuskrip adalah 59, iaitu masing-masing 24 dalam isu pertama, 17 dalam isu kedua dan 18 dalam isu ketiga. Peratusan jumlah manuskrip yang diterbitkan menokok secara positif 34.09 % berbanding 44 manuskrip bagi tahun 2012. Ringkasan peningkatan bilangan manuskrip sejak di indeks oleh SCOPUS (i.e. Oktober 2010) ditunjukkan dalam Rajah 3. Bagi tahun 2010 (MJAS Volume 14), SCOPUS hanya mula mengindeks isu kedua sahaja.



Rajah 3: Peningkatan Manuskrip yang diterbitkan sejak 2010 (Indeks SCOPUS)

Bilangan sitasi yang direkodkan pada tahun 2013 mengikut rujukan SCOPUS adalah 16, iaitu menokok positif sebanyak 77.77 % berbanding tempoh yang sama pada tahun 2012. Penerbitan di dalam medium Bahasa Melayu bagi tahun 2013 adalah 10.16 %, iaitu menokok positif berbanding hanya 2.27 % pada tahun 2012.

Sejumlah 10 manuskrip luar negeri berjaya diterbitkan bagi tempoh 2013, yakni menokok positif sehingga 60 % berbanding hanya 4 bagi tempoh sama 2012 (Rajah 4).



Rajah 4: Perbandingan peningkatan dalam penerbitan manuskrip mengikut lokaliti (2012 - 2013)

Oleh itu, pihak pengurusan komited bahawasanya dengan kerjasama yang lebih komprehensif dan penambahbaikan di dalam sistem pengurusan secara berterusan akan melonjakkan lagi reputasi MJAS sebagai medium pilihan penerbitan bukan hanya menjadi tumpuan di Malaysia

bahkan di luar Malaysia. Pihak pengurusan juga berharap agar pada tahun 2014, rekod dan reputasi MJAS akan terus memacu ke hadapan merentasi dunia penyelidikan.

Ketua Pengarang MJAS

Emel: analisis@ukm.edu.my